

PEMBANGUNAN PERISIAN INTERAKTIF AUDIO BUKU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (i-TALK PISMEN): SATU KAJIAN KEPERLUAN BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS MASALAH PENGLIHATAN

Nurutthoilah Mohd Nabil
Noornajihan Jaafar
Norakyairee Mohd Raus
Nursyahirah Wahidah Masrom

ABSTRAK

Kekangan akses pendidikan terhadap golongan orang kurang upaya penglihatan OKU dalam mendapatkan Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk sistem pendidikan negara adalah suatu isu yang tidak asing lagi di negara ini. Terutamanya dalam akses BBM Islami, termasuklah mata pelajaran wajib bagi murid-murid yang beragama Islam di negara ini iaitu Pendidikan Islam. Oleh yang demikian, Kajian keperluan ini adalah untuk meninjau keperluan pembangunan Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah menengah Kebangsaan (i-TALK PISMEN) bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK MaL) Masalah Penglihatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual terhadap dua orang OKU penglihatan dan seorang guru sekolah pendidikan khas. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif dengan pengedaran borang kaji selidik kepada kumpulan murid Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Terengganu. Oleh itu, kajian mendapati bahawa pembangunan audio buku Pendidikan Islam sangat bermanfaat dan membantu murid berkeperluan khas masalah penglihatan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembangunan i-TALK PISMEN adalah sangat diperlukan bagi membantu sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran Pendidikan Islam KSSM bagi MBK MaL.

Kata kunci: i-TALK PISMEN, Pendidikan Islam, MBK MaL

PENDAHULUAN

Statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan merupakan 15 peratus daripada populasi sesebuah negara adalah Orang Kurang Upaya (OKU). Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan jumlah OKU di Malaysia yang berdaftar adalah seramai 338,000 iaitu 1% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia (Paul Selva Raj, 2015). Bagaimanapun, bilangan yang telah mendaftar masih jauh dari sasaran yang ditetapkan. Manakala jumlah Murid Berkeperluan Khas Penglihatan (MBK MaL) di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) adalah 471 orang (Data Pendidikan Khas, 2015). Namun begitu, Malaysia hanya mencatatkan sebahagian daripada golongan OKU di negara ini kerana dijangkakan lebih ramai OKU tidak berdaftar atas pelbagai faktor.

MBK MaL di peringkat sekolah menengah ini di tempatkan sama ada di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di seluruh Malaysia. Dasar Pendidikan Kebangsaan (Pendidikan Khas) dibuat bagi memastikan murid berkeperluan khas yang berpotensi diberi peluang untuk ditempatkan secara inklusif di dalam kelas arus perdana selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Golongan cacat penglihatan merupakan golongan yang mempunyai masalah penglihatan dan memerlukan alat bantuan bagi melakukan sesuatu aktiviti harian mereka termasuklah aktiviti pembacaan (Rumiza Abdul Rahman, 2010:3). Ini bermakna hak dan peluang bagi orang cacat penglihatan menyertai sistem pendidikan formal di Malaysia tidak diabaikan.

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam kalangan guru di sekolah memberi kesan yang positif terhadap kecemerlangan akademik pelajar dan kaedah pengajaran guru itu sendiri. Kajian-kajian lalu telah membuktikan bahawa wujudnya kesan positif tersebut antaranya melalui kajian oleh Jasmi et al. (2011) dan Ilias et al. (2013) Manakala bagi guru pula, strategi pengajaran mereka akan menjadi konkrit dan pelbagai mengikut kepada keadaan dan situasi pengajaran. Oleh sebab itu, guru perlu menganalisis dan mengenalpasti BBM yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran. Hal ini bertepatan dengan ciri-ciri pemilihan BBM iaitu mestilah yang paling memberi kesan seperti yang dinyatakan oleh Jasmi dan Tamuri (2007).

PENYATAAN MASALAH

Usaha menyediakan bahan bantu mengajar bagi MBK MaL adalah merupakan satu inisiatif bagi membantu mereka dalam mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan temu bual dengan Ustazah Nor Hayati Md Salleh (2017), guru Pendidikan Islam di SMKPK Setapak dan Cikgu Zakaria bin Yahya (2011), Yang Dipertua Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam (PERTIS) mendapati bahawa kekangan sumber bahan rujukan dan bahan bantu mengajar bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan menjadi antara faktor penghalang dalam meningkatkan potensi murid yang bermasalah penglihatan. Ini kerana guru terpaksa menyediakan sendiri bahan-bahan pengajaran dan para murid pula terpaksa bergantung sepenuhnya kepada guru tanpa mampu belajar secara sendiri. Ini dinyatakan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ilias et al. (2012), seorang peserta kajian menyatakan: "Emmm...BBM ada juga memotivasikan pelajar tapi kalau kita terlalu menggunakan

BBM yang sama, pelajar boring juga kan. Nak kena tukar-tukar BBM. Cikgu nak kena kreatiflah.” (GPI,2012:599). Manakala Jasmi et al. (2011) menyatakan bahawa kekurangan sumber dalam mempelbagaikan BBM menyebabkan guru sukar untuk menjadi pemudah cara ketika P&P.

Atas kekangan inilah maka terdapat para murid yang tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan kerana tidak mencapai tahap penguasaan pembelajaran yang dikehendaki. Secara amnya, kekurangan (BBM) merupakan faktor yang menjadi kekangan kepada golongan ini dalam memahami ajaran Islam dengan lebih berkesan (Ahmad Kamel et al 2008, Noornajihan et al. 2012, dan Norakyairee & Ab. Halim 2011) Terdapat banyak audio buku dipasaran kini, CD-ROM audio buku di dalam bentuk multimedia direka untuk menambah kefahaman kanak-kanak kerana dijelmakan isi buku tersebut dalam bentuk animasi (Labbo, L. D., & Kuhn, M. R. (2000). Namun ia kurang bersifat interaktif bagi penggunaan murid OKU penglihatan kerana ketidakupayaan deria melihat mereka.

Justeru, penyelidik telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan bagi MBK MaL yang dikenali sebagai i-TALK PISMEN. Perisian tersebut menjadi BBM bagi P&P peserta Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia mengikut sukatan buku teks KPM. Kaedah pembelajaran yang berteraskan bunyi (audio) adalah menjadi keutamaan bagi perisian ini bagi membantu sesi P&P golongan OKU Penglihatan. Seluruh kandungan daripada buku teks

Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan ditransformasikan dalam bentuk audio supaya kandungannya dapat digunakan oleh golongan OKU tersebut. Selain itu, kajian keperluan terhadap perisian i-TALK PISMEN juga telah dijalankan bagi mengetahui sejauh mana pembangunan perisian i-TALK PISMEN ini berupaya membantu golongan OKU masalah penglihatan. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Jabatan Pendidikan Khas), Azizah Abd Gani (2007) berkata, sebagai warganegara Malaysia pelajar golongan istimewa ini mempunyai hak untuk menikmati arus pembangunan dan juga hak sama rata dalam apa jua bidang termasuklah pendidikan.

OBJEKTIF

Berikut merupakan objektif utama kajian ini:-

1. Mengenalpasti keperluan pembangunan i-TALK PISMEN bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid bekeperluan khas masalah penglihatan.

METODOLOGI KAJIAN KEPERLUAN

Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif, iaitu menggunakan kaedah temu bual dan disokong dengan kuantitatif melalui melalui pengedaran borang kaji selidik. Menurut Grosshams dan Chelimsky (1999) temu bual sesuai digunakan untuk mendapatkan data dari responden yang terlibat secara langsung dan terperinci. Manakala Louis, Lawrence dan Keith (2003) menyatakan bahawa soal selidik ialah satu instrumen yang lazim digunakan dalam kajian tinjauan.

i. Pendekatan Kualitatif

Menurut Fontana & Frey (1994) dan Merriem (1998) terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa struktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam metod kajian ini, penyelidik telah menemubual semi berstruktur sebagai cara pengumpulan data kepada tiga orang sampel iaitu dua orang OKU penglihatan yang terdiri daripada seorang guru Sekolah kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Batu, dan seorang sukarelawan di Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah ditemu bual. Manakala seorang guru yang mempunyai pengalaman lebih dua puluh tahun mengajar pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak.

Temu bual bertujuan mendapatkan pandangan mereka mengenai keperluan pembangunan i-TALK PISMEN. Hasil rakaman temu bual berkenaan ditaip semula ke dalam Microsoft Word. Semasa analisis data, penyelidik menggunakan ringkasan (PK) kepada peserta kajian.

ii. Pendekatan Kuantitatif

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif (tinjauan). Creswell (2008) menyatakan reka bentuk kajian tinjauan merupakan prosedur dalam kajian kuantitatif di mana penyelidik menjalankan tinjauan ke atas sampel atau seluruh populasi orang untuk menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku, atau ciri dalam populasi itu. Dalam prosedurnya, penyelidik mengumpul kuantitatif, data bernombor dengan menggunakan soal selidik dan analisis data secara deskriptif dan inferensi untuk menggambarkan ciri-ciri tentang jawapan kepada persoalan kajian dan menguji hipotesis kajian.

Kaedah ini menggunakan soal selidik merupakan instrumen laporan sendiri yang digunakan bagi memungut maklumat berkenaan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dihayati pengkaji (Bryman 2008; Freankel et al. 2012; Lim Chong Hin 2007). Ia digunakan bagi mengumpul maklumat berkenaan fenomena yang tidak boleh diperhatikan secara terus oleh pengkaji seperti sikap, kepercayaan, pandangan, kefahaman, pengalaman, nilai, minat dan sebagainya (Neuman 2002; Noraini Idris 2010).

Responden kajian terdiri daripada 16 orang MBK MaL di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Kuala Terengganu. Soal selidik mempunyai bahagian A iaitu maklumat latar belakang responden kajian, manakala bahagian B pula maklum balas mengenai keperluan pembangunan i-TALK PISMEN.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Skor Min

Nilai Skor Min		Interpretasi Tahap Bahagian B
1.00 hingga	1.80	Sangat rendah
1.81 hingga	2.60	Rendah
2.61 hingga	3.40	Sederhana
3.41 hingga	4.20	Tinggi
4.21 hingga	5.00	Sangat tinggi

DAPATAN KAJIAN

Seramai dua orang peserta kajian merupakan OKU penglihatan dan seorang guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas telah menjawab temu bual ini. Rata-rata peserta kajian berumur dalam lingkungan 25 – 45 tahun sebagaimana diterangkan dalam Jadual 2 di bawah:-

Jadual 2: Butiran maklumat peserta kajian

Peserta kajian (PK)	Jantina	Kategori	Status	Pekerjaan	Pengalaman Bekerja
PK1	lelaki	OKU	Bujang	Sukarelawan	5 tahun
PK2	lelaki	OKU	Berkahwin	Guru	10 tahun
PK3	Perempuan	Normal	Berkahwin	Guru	21 tahun

Dapatan Analisis Data Kualitatif

a) Keperluan pembangunan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Laporan dapatan kajian adalah berdasarkan soalan kajian bagi keperluan pembangunan i-TALK PISMEN bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid bekeperluan khas masalah. Dapatan temu bual semi berstruktur ini telah memberi dorongan kepada penyelidik untuk membangunkan perisian i-TALK PISMEN.

Penyelidik mendapati PK1, PK2, PK3 telah memberi respon mengenai keperluan pembangunan BBM. Bagi menjawab soalan kajian di atas, penyelidik telah mentranskripsi dan analisis jawapan peserta kajian di mana menyatakan:

"...bahan bantu mengajar seperti buku yang diaudiokan sangat perlu dibangunkan bagi membantu murid bekeperluan khas masalah penglihatan..." (PK1)

"....alat bantu mengajar sangat-sangat diperlukan untuk bantu murid OKU penglihatan..."(PK2)

"...Bahan bantu mengajar sangat penting kerana murid masalah penglihatan banyak mendengar...."(PK3).

b) Keperluan penggunaan BBM di dalam kelas

Pengkaji juga mendapati terdapat peserta kajian menyatakan bahawa penggunaan BBM di dalam kelas adalah sangat diperlukan. Ini telah dinyatakan oleh PK2 dan PK3 seperti berikut:

"...guru mencari-cari cara yang berkesan untuk digunakan dalam proses (P&P)..." (PK2)

"...tempoh mengajar menggunakan audio lebih cepat..."(PK3)

c) Keperluan pembangunan buku audio bagi pelajaran Pendidikan Islam

Pengkaji juga mendapati PK1, PK2 dan PK3 menyatakan kepentingan pembangunan audio bagi pelajaran Pendidikan Islam adalah sangat diperlukan bagi membantu murid OKU penglihatan. Ini telah dinyatakan oleh PK1, PK2 dan PK3 seperti berikut:

“...keperluan audio sangat diperlukan bagi membantu kefahaman...” (PK1)

“...bantuan buku audio sangat membantu OKU penglihatan di dalam kelas...” (PK2)

“...kebanyakan nota yang dikongsi adalah berbetuk audio....” (PK3)

d) Kefahaman murid bekeperluan khas melalui audio

Peserta kajian 3 turut menyatakan murid bekeperluan khas masalah penglihatan lebih mudah memahami maklumat yang disampaikan melalui audio. Peserta kajian yang mengutarakan iaitu:

“...audio dapat membantu kefahaman murid OKU penglihatan....” (PK3)

Hal ini kerana teknologi ucapan adalah sub-bidang penting dalam pemprosesan bahasa semula jadi (natural language processing) (NLP) yang melibatkan pelbagai teknik, seperti sintesis pertuturan, pengecaman pertuturan dan sistem dialog. Bagi golongan cacat penglihatan screen reader adalah cara utama untuk mengakses maklumat melalui alam siber.

e) Keperluan bahan bantu mengajar di sekolah

Selain itu, peserta kajian 2 melihat kepada keperluan pembangunan BBM bagi peserta-peserta di sekolah. Peserta kajian telah menyatakan hasratnya seperti berikut:

“...pembangunan buku audio juga perlu dibangunkan bagi pemudah cara untuk pelajaran lain...” (PK2)

Dapatan Analisis Data Kuantitatif

Jadual 3 di bawah menunjukkan peratusan responden berkaitan kajian keperluan pembangunan i-TALK PISMEN dalam kalangan murid-murid OKU penglihatan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati hampir keseluruhan item berada pada tahap min yang tinggi. Min keseluruhan tahap keperluan pembangunan i-TALK PISMEN adalah sangat tinggi, iaitu min 4.25.

Item tertinggi dengan min 4.63 (sangat tinggi), item 7 mengatakan bahawa ‘*Saya berhasrat untuk menggunakan bahan bantu mengajar untuk belajar Pendidikan Islam*’ telah mencatatkan seramai 11 responden (69%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 4 responden (25%) bersetuju manakala seorang responden (6%) kurang setuju dengan pernyataan item 7 ini. Kajian juga mencatatkan item 1 mencapai min sangat tinggi iaitu min 4.38 di mana item 1 mengatakan ‘*Saya sangat memerlukan bahan bantu mengajar bagi meningkatkan kompetensi kemahiran saya*’ telah mencatatkan seramai 8 responden (50%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 6 responden (38%) bersetuju manakala 2 responden kurang dengan pernyataan ini. Kajian juga mencatatkan item 3 mencapai min sangat tinggi iaitu min 4.38 di mana item 3 mengatakan ‘*Saya dapati bahan bantu mengajar membantu proses pembelajaran saya*’ telah mencatatkan seramai 6 responden (38%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 10 responden (63%) bersetuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya, item 8 mencatatkan min yang sangat tinggi iaitu min 4.31 di mana item 8 mengatakan ‘*Saya bercita-cita untuk memperkenalkan bahan bantu mengajar kepada rakan-rakan lain*’ telah mencatatkan seramai 8 responden (50%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 7 responden (44%) bersetuju manakala 1 responden (6%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Seterusnya, item 4 mencatatkan min yang sangat tinggi iaitu min 4.31 di mana item 4 mengatakan ‘*Saya suka menggunakan bahan bantu mengajar*’ telah mencatatkan seramai 7 responden (44%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 8 responden (50%) bersetuju manakala 1 responden (6%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Kajian juga merekodkan item 9 dengan min yang sangat tinggi iaitu min 4.25 di mana item 9 mengatakan ‘*Saya berhasrat untuk menggunakan perisian bagi mata pelajaran di sekolah*’ telah mencatatkan seramai 8 responden (50%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 6 responden (38%) bersetuju manakala 1 responden (6%) kurang setuju dan 1 responden (6%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya item 5 mencatatkan min yang tinggi sahaja iaitu min 3.88 di mana item 5 mengatakan ‘*mempunyai sumber pembelajaran yang mencukupi dengan menggunakan bahan bantu mengajar*’ telah mencatatkan seramai 4 responden (25%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 9 responden (56%) bersetuju, 1 responden (6%) kurang setuju manakala 1 responden (6%) tidak setuju diikuti dengan 1 responden (6%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Begitu juga dengan item 2, dengan min 3.88, iaitu pada tahap tinggi sahaja. Jumlah murid yang bersetuju adalah rendah iaitu 7 responden (44%) iaitu di bawah pernyataan ‘*Saya memperoleh pelbagai kemahiran dengan menggunakan bahan bantu mengajar/perisian*’.

Jadual 3: Dapatan Kajian Keperluan pembangunan i-TALK PISMEN

Penyataan				STS	TS	KS	S	SS	Sisihan Piawai	Min
1.	Saya	sangat memerlukan	BBM bagi meningkatkan kompetensi kemahiran saya	0 (0%)	0 (0%)	2 (13%)	6 (38%)	8 (50%)	3.25	4.38
2.	Saya	memperoleh dengan	pelbagai menggunakan BBM	0 (0%)	1 (6%)	4 (25%)	7 (44%)	4 (25%)	2.48	3.88
3.		Saya dapati	BBM membantu proses pembelajaran saya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	10 (63%)	6 (38%)	4.12	4.38
4.		Saya suka menggunakan	BBM	0 (0%)	1 (6%)	0 (0%)	8 (50%)	7 (44%)	3.54	4.31
5.	Saya	mempunyai dengan	sumber mencukupi menggunakan BBM	0 (0%)	1 (6%)	2 (13%)	8 (50%)	5 (31%)	2.93	4.06
6.	Saya	mempunyai yang	panduan diperlukan untuk menggunakan BBM	1 (6%)	1 (6%)	1 (6%)	9 (56%)	4 (25%)	3.12	3.88
7.	Saya	berhasrat menggunakan	untuk bahan BBM untuk belajar Pendidikan Islam	0 (0%)	0 (0%)	1 (6%)	4 (25%)	11 (69%)	4.17	4.63
8.	Saya	bercita-cita memperkenalkan	untuk kepada rakan-rakan lain	1 (6%)	0 (0%)	0 (0%)	7 (44%)	8 (50%)	3.54	4.31
9.	Saya	berhasrat menggunakan	untuk perisian bagi mata pelajaran di sekolah	0 (6%)	1 (6%)	1 (6%)	6 (38%)	8 (50%)	3.19	4.25
Jumlah									4.13	4.25

PERBINCANGAN

Kajian ini bersesuaian dengan strategi pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan iaitu “menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi, terkini dan sesuai dengan keupayaan dan keperluan murid berkeperluan khas.” (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Menurut Noor Siti Zubaidah Che Mohd & Abdul Razak Ahmad (2016), BBM memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran kreatif dan berkesan. Saidina Umar al-Khattab pernah berkata, “didiklah anak-anak kamu mengikut zamannya” (Sulaiman, 2006).

Melalui kajian ini, kekurangan BBM untuk proses P&P bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dapat diatasi. Dengan adanya perisian i-TALK PISMEN ini juga ia dapat menambahkan tahap pemahaman pelajar dalam Pendidikan Islam yang juga menjadi alat pembelajaran bagi meningkatkan potensi murid-murid tersebut. Oleh itu, mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas mampu diajar kepada OKU yang beragama Islam (Asmawati, 2009).

Dalam era teknologi pada masa kini, pelbagai perisian yang menarik direka untuk memudahkan murid-murid memahami peserta yang diajar (Ali dan Man 2011; Idris dan Anis 2007; Mokhtar 2004). Tambahan pula penggunaan peralatan ICT telah dibuktikan berkesan dan mampu membantu dalam perkembangan bidang pendidikan (Salman Firdaus Sidek et al, 2014). Berdasarkan dapatan kajian, pembangunan i-TALK PISMEN sangat diperlukan bagi membantu murid MBK MaL. Hal ini merujuk kepada pernyataan Berry (1999) bahawa terdapat pelbagai jenis alat bantuan teknologi yang ada untuk cacat penglihatan bergantung kepada tahap penglihatan mata dan keutamaan individu, tetapi penggunaan pembaca skrin untuk capaian Web adalah teknologi utama yang penting bagi OKU cacat penglihatan.

Penggunaan bahan bantu mengajar memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dikalangan guru dan pelajar. Bahan bantu mengajar ini juga dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman (Omardin Ashaari, 1999). Ia juga menjadi tanggungjawab muslim yang lain untuk membangunkan dan membantu golongan ini khususnya yang beragama Islam supaya Islam itu dapat dirasa bersama kemanisannya serta tidaklah golongan berkeperluan khas ini dipinggirkan hak mereka.

KESIMPULAN

Usaha dalam meneroka keperluan pembangunan ini secara tidak langsung menyokong serta memberi sumbangan kepada pembangunan i-TALK PISMEN. Selain itu, usaha ini merupakan inovasi ke arah membantu MBK MaL mempelajari sesuatu pembelajaran selain daripada pembelajaran secara tradisional menggunakan tulisan timbul (Braille). Usaha ini sedikit sebanyak membuka mata masyarakat khususnya mereka yang memegang sesuatu polisi atau dasar kerajaan agar meneroka kekuatan dan kelainan upaya belajar golongan istimewa khususnya MBK MaL. Perkara ini jelas sebagaimana diisyaratkan dalam Surah al-Qamar:54:17,22,32 dan 40 berkaitan teori penerokaan terhadap pembelajaran Quran. Firman-Nya:-



Maksudnya: Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?

Peranan dan tanggungjawab bukan sekadar diletakkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat sahaja, tetapi ia perlu diambil cakna oleh semua lapisan masyarakat kerana golongan ini mengimpikan kehidupan dan layanan yang sama seperti murid tipikal yang diberi perhatian oleh pelbagai pihak dalam isu kehidupan dan pendidikan.

PENGHARGAAN

Kertas ini membentangkan kajian keperluan yang disokong oleh geran kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (Matching Grant) USIM/FAQEH/FPQS/052002/70317 .

RUJUKAN

Quran

Ali, Mohd Fadzli dan Fuziyah Man. 2011. Pembinaan perisian pembelajaran berbantuan komputer (PBK) jenis tutorial berasaskan teori konstruktivisme dan diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Data Pendidikan Khas 2015. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dick, W., Carey, L., & Carey, J. O. (2001). *The systematic design of instruction* (Vol. 5). New York: Longman.
- Ibrahim, N., Raus, N. M., Rasdi, N. A., Jaafar, N., Alias, N., Khosim, N., & Ghazali, N. M. (2012). Modul Pengajaran Al-Quran Braille: Tinjauan Awal. *Muhamad Alihanafiah Norasid*, 43.
- Idris, Abdul Razak dan Kevin Kellen Anis. 2011. Pembangunan perisian berbantuan komputer (PBK) matematik tingkatan satu bertajuk luas. Kertas Kerja Tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F., Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Ismail, M. F., & Jasmi, K. A. (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari. In *3rd International Conference on Islamic Education*.
- Ishak, H., Tamuri, A. H., Majid, R. A., & Bari, S. (2012). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (masalah pendengaran). *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(4), 11-24.
- Labbo, L.D., & Kuhn, M. R. (2000). Weaving chains of affect and cognition: A young child's understanding of CD-ROM talking books. *Journal of Literacy Research*, 32(2), 187-210.
- Mahathir, M. (1991). *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Government Printing Office.
- Malaysia, K. P. (2012). Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM. hlm*, 26, 32.
- Mokhtar, Norhidayu. 2004. Membangunkan modul perisian alat bantu mengajar (ABM) berasaskan komputer bagi tajuk pergerakan bahan merentasi membrane plasma, biologi tingkatan empat. Latihan Ilmiah Ijazah Dasar, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor, S. Z. B. C. M., & Ahmad, A. R. (2016, January). Kreativiti Guru dalam Meningkatkan Kefahaman dan Penghayatan Sejarah. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 1, pp. 457-468).
- Paul Selva Raj. (2015, April). Memenuhi Keperluan Orang Kurang Upaya. Ringgit, 5.
- Sidek, S. F., Fathil, N. S., Zain, N. Z. M., & Muhammad, K. (2016). Pembangunan Perisian Kursus "SAYA SUKA BELAJAR" untuk Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Kanak-kanak Autisme. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 1-10.
- Sulaiman, S. 2006. *Panduan Menjadi Ibu Bapa Cemerlang*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Sally A. Spencer. 2002. *Universal Design for Learning: Assistance for Teachers in Today's Inclusive Classrooms*. California State University, Northridge.
- Nor Fadila Mohd Amin & Chiew Kai Wan. Tiada Tahun. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Perisian Multimedia dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Manisah Mohd Ali & Noorfaziha Hassan. 2014. Perspektif Guru terhadap Keterlibatan Akademik dalam Kalangan Murid dengan Ketidakupayaan Penglihatan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F., Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Ismail, M. F., & Jasmi, K. A. (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari. In *3rd International Conference on Islamic Education*.
- Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, dan Noornajihan Jaafar. 2013. Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research (IJQR)*.
- Wong Huey Slew dan Sandiyao Sebastian. 2002. Pendidikan Bagi Komuniti Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia: Satu Analisis daripada Perspektif Sejarah. Universiti Malaya.
- Rakaman audio Encik Wan mohd suhaimi, Guru SKPK Jalan Batu, 10 Januari 2018, 8.00 am.

Rakaman audio Datin Nor Hayati, Guru SMKPK Setapak, 12 Januari 2018, 3.00 pm.

Rakaman audio Shahrul nizam Mohd, sukarelawan PERTIS, 10 Januari 2018, 8.00 am.

Noor Azlan Bin Ahmad Zanzali & Nurdalina Binti Daud Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih Utm Yang Mengajar Matapelajaran Matematik. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif Faculty Of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Yunus Mohd Noor, Asmilyia Binti Aplikasi Nvda Arabic Dan Kepentingannya Kepada Oku Cacat Penglihatan Dalam Pembelajaran Al-Quran Dan Hadith Dr. Mokhtar Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurutthoilah Mohd Nabil
Postgraduate Candidate (MA)
Faculty of Quranic and Sunnah Study

Noornajihan Jaafar
Senior lecturer
Faculty of Quranic and Sunnah Study

Norakyairree Mohd Raus
Senior lecturer
Faculty of Quranic and Sunnah Study

Nursyahirah Wahidah Masrom
Postgraduate Candidate (MA)
Faculty of Quranic and Sunnah Study